



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPJ/JK/SH(S)/24/2021

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM E-MEL DAN SISTEM KAWALAN CAPAIAN DOMAIN
PERBADANAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Kod Bidang 210102 - Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance DAN 210103 - Software - Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance** untuk melaksanakan projek tersebut.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada 2 April 2021 (Jumaat) hingga 7 April 2021 (Rabu) dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM 50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**.
3. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal dan Satu (1) Salinan** sijil yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas tidak lewat dari Jam **12.00** tengahari pada **12 April 2021** (Isnin) .
5. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini boleh layari laman <https://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.

(DATUK TPr. AZIZI BIN AHMAD TERMIZI)
NAIB PRESIDEN KANAN
Jabatan Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya